PRIME'S PREDNISOLONE SYRUP 2.5MG/5ML

Prednisolone 2.5mg/5ml

Apakah yang ada pada risalah ini

- Apakah kegunaan *Prednisolone*
- Bagaimana *Prednisolone* berfungsi
- Sebelum mengambil *Prednisolone*
- Cara menggunakan *Prednisolone*
- Semasa menggunakan *Prednisolone*
- Kesan-kesan sampingan
- Cara penyimpanan dan pelupusan *Prednisolone*
- Maklumat lanjut
- Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
- Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Prednisolone*

Keadaan yang memerlukan steroid seperti gangguan alergi iaitu asma dan gerakbalas alergi kulit; gangguan darah, kolagen dan gangguan reumatik; gangguan tisu penyambung dan gangguan gastrousus seperti penyakit inflamasi usus.

Bagaimana *Prednisolone* berfungsi

Prednisolone tergolong dalam kumpulan ubat steroid, yang terdapat secara semulajadi dalam badan, dan membantu mengekalkan kesihatan badan. Ia berkesan dalam rawatan pelbagai jenis penyakit keradangan dengan tindakan menangani keradangan.

Sebelum mengambil *Prednisolone*

Bila tidak boleh mengambil

Ulser, penyakit tulang, psikosis, jangkitan viral termasuk herpes zoster and herpes simpleks mata, dan vaksinasi dengan vaksin hidup.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor sebelum memulakan rawatan:

- jika terdapat kegagalan jantung, penyakit kencing manis, ketidaksempurnaan hati dan ginjal, penyakit darah tinggi, gangguan penghadaman usus besar, penyakit autoimun otot, kelenjar tiroid tak aktif yang menyebabkan keletihan dan peningkatan berat badan, penyakit berjangkit, penyakit batuk kering dan usia meningkat.
- Rawatan berpanjangan perlu diberi perhatian.
- Rawatan tidak boleh diberhentikan tanpa nasihat doktor.
- Keselamatan penggunaan waktu hamil dan menyusu belum dipastikan

Jika mengambil ubat-ubat lain

Penggunaan bersama dengan barbiturat, fenitoin atau rifampicin mungkin mengurangkan kesan steroid. Gerakbalas terhadap ubat anti beku darah dan salisilat juga berkurangan. Penggunaan bersama dengan diuretik pengosongan kalium menyebabkan kehilangan kalium dari badan.

Cara menggunakan *Prednisolone*

Berapa banyak harus diambil

Dewasa: Oral, 5 hingga 60mg sehari, dos diubahsuaikan mengikut gerakbalas.
Kanak-kanak: Seperti yang diarahkan oleh doktor.

Bila perlu diambil

Ambil prednisolone mengikut arahan oleh doktor.

Berapa lama perlu diambil

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

Jika terlupa mengambil

Jangan mengambil dos berganda sebagai gantian dos yang terlepas.

Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan *Prednisolone*

Perkara yang perlu dilakukan

Pengambilan ubat mestilah seperti yang diarahkan. Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan hentikan pengambilan ubat kecuali diarahkan oleh doktor.
Jangan mengambil ubat baru tanpa berunding dengan doktor.
Jangan syorkan *Prednisolone* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom dan keadaan yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Beritahu doktor jikalau hamil atau menyusukan anak semasa rawatan. Ia tidak boleh diambil oleh wanita hamil. Tiada maklumat mengenai risiko kepada bayi dalam ibu yang menyusu.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, *Prednisolone* juga mempunyai kesan sampingan. Beritahu doktor atau ahli farmasi jika terdapat kesan-kesan berikut atau kesan-kesan lain yang tidak tersenarai.
Hentikan pengambilan *Prednisolone* dan hubungi doktor segera jika berlaku gerakbalas alahan: bengkak muka, lidah atau badan, yang mungkin mengakibatkan lelah, kejutan atau pengsan, kelemahan otot, sentakan atau ritma jantung luarbiasa, osteoporosis, sindrom Cushing, jerawat atau penyakit kulit lain, pendarahan gastrousus, ketidakseimbangan hormon, paras gula darah tinggi dan peningkatan risiko jangkitan.
Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my *[Consumers→ Reporting → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]*.

Cara penyimpanan dan pelupusan *Prednisolone*

Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30ºC. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Sirap merah dan berperisa ceri.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: prednisolone
- Bahan tidak aktif: alkohol, perisa ceri, glukos cair, metil paraben, propil paraben, merah raspberi, natrium sakarin, air dan gula.

No. MAL

MAL19890365AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

19/02/2020

Nombor siri

NPRA(R2/1)200218/362